

Malaysia hulur bantuan kemanusiaan

Perdana Menteri gesa penubuhan koridor kemanusiaan Rafah

Oleh **TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN**
PUTRAJAYA

Malaysia menyatakan komitmen menghulurkan bantuan kemanusiaan khususnya makanan dan ubat-ubatan ke Palestin.

Perkara itu dizahirkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika bercakap dengan pemimpin Hamas, Ismail Haniyeh

menerusi panggilan telefon pada Isnin.

"Memandangkan keadaan yang teruk di Gaza, saya sangat menyokong agar serangan dihentikan dan koridor kemanusiaan di Rafah diwujudkan," tegas Anwar di laman sosialnya pada Selasa.

Beliau juga menggesa Israel dan Hamas melakukan genjatan senjata dengan segera serta mencari penyelesaian damai bagi menamatkan konflik yang sedang berlaku.

"Paling penting untuk mengutamakan kesejahteraan dan keselamatan semua individu disebabkan krisis ini," katanya.

Jumaat lepas, Anwar berkata, kerajaan akan menyalurkan

bantuan RM10 juta kepada Palestin dan berharap syarikat berkaitan kerajaan, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan dan sektor swasta dapat menyumbang bagi meningkatkan jumlah bantuan kepada RM100 juta.

Pada 7 Oktober lalu, Hamas melakukan serangan mengejut terhadap Israel, termasuk serangan roket bertubi-tubi dan penyusupan ke Israel melalui darat, laut dan udara sewaktu sambutan perayaan Yahudi.

Hamas berkata, operasi itu sebagai tindakan balas terhadap pencerobohan Masjid Al-Aqsa di Baitulmaqdis Timur dan keganasan peneroka haram Yahudi yang semakin meningkat.



Anwar ketika menerima kunjungan daripada Ismail Haniyeh dan delegasi pada Januari 2020.